

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI II : 2021/2022

DCQ20072: PRINCIPLES OF LAW

TARIKH : 29 JUN 2022

MASA : 2.30 PM – 4.30 PM (2 JAM)

Kertas ini mengandungi **TUJUH (7)** halaman bercetak.

Bahagian A: Struktur (3 soalan)

Bahagian B: Esei (1 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : TIADA

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

SECTION A: 75 MARKS
BAHAGIAN A: 75 MARKAH

INSTRUCTION:

This section consists of **THREE (3)** structured questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan berstruktur. Jawab **SEMUA** soalan.*

QUESTION 1

SOALAN 1

CLO1
C1

- (a) The Federal Constitution is the supreme law of the land. State any **FIVE (5)** articles which contained in the Federal Constitution.

*Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang tertinggi negara. Nyatakan mana-mana **LIMA (5)** perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.*

[5 marks]

[5 markah]

CLO1
C2

- (b) “The role of courts is more concerned with the administration of the law. The courts have both criminal and civil jurisdiction. Jurisdiction refers to the cases or matter that a court can hear and is established by statute.”

Based on the statement above, explain the differences between the **FIVE (5)** jurisdictions of the courts in Malaysia.

“Peranan mahkamah lebih mementingkan pentadbiran undang-undang. Mahkamah mempunyai bidang kuasa jenayah dan sivil. Bidang kuasa merujuk kepada kes atau perkara yang mahkamah boleh dengar dan ditubuhkan melalui statut.”

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan perbezaan diantara **LIMA (5)** bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

[10 marks]

[10 markah]

CLO1
C2

- (c) Describe the cycle of the formation of new parliament in Malaysia.
Terangkan kitaran pembentukan parlimen baharu di Malaysia.

[10 marks]

[10 markah]

QUESTION 2

SOALAN 2

CLO1
C1

- (a) Explain the difference between an offer and an invitation to treat.
Jelaskan perbezaan di antara tawaran dengan pelawaan tawaran.

[5 marks]

[5 markah]

CLO1
C2

- (b) When an agreement has fulfilled to all the essential elements, then the agreement is a valid and enforceable contract. However, the validity of this contract can still be disputed if an agreement is reached without the free consent of the parties involved. Explain the causes why a contract is said to be without free consent of the parties involved.

Apabila sesuatu perjanjian itu telah memenuhi ke semua elemen penting, maka perjanjian itu adalah sah dan dapat dikuatkuasakan. Namun begitu, kesahan kontrak ini masih boleh dipertikaikan sekiranya persetujuan dicapai tanpa kerelaan bebas pihak-pihak yang terlibat. Terangkan sebab-sebab sesuatu kontrak itu dikatakan tanpa persetujuan bebas daripada pihak yang terlibat.

[10 marks]

[10 markah]

CLO1
C2

- (c) An unlawful agreement is considered a void agreement and will not be enforced in court. State an example of an agreement that is said to be an unlawful agreement.

Perjanjian yang menyalahi undang-undang dianggap sebagai perjanjian yang batal dan tidak akan dikuatkuasakan di mahkamah. Nyatakan contoh perjanjian yang dikatakan sebagai perjanjian yang menyalahi undang-undang.

[10 marks]

[10 markah]

QUESTION 3

SOALAN 3

CLO1
C1

- (a) Identify the tort offense between assault and battery.

Kenalpasti kesalahan "tort" antara serangan dan serang sentuh

[5 marks]

[5 markah]

CLO1
C2

- (b) “In the case of *Basely v. Clarkson* [1681], the defendant cut the grass on his land and mistakenly he crossed the boundary and did same on the land of the neighbour”.

Based on the case, explain how trespass to land can occur.

“Dalam kes Basely lwn Clarkson [1681], defendan memotong rumput di tanahnya dan tersilap melintasi sempadan dan dia melakukan perkara yang sama di tanah jiran”.

Berdasarkan kes tersebut, terangkan bagaimana pencerobohan ke atas tanah boleh berlaku.

[10 marks]

[10 markah]

CLO1
C2

- (c) A common duty of an occupier is, at all circumstances to ensure that the visitor will be reasonably safe when using premises to which he is invited or permitted by the occupier to be there. Describe the parties who are invited or permitted visitor who are the occupier has a duty to take care of.

Tanggungjawab umum seseorang penghuni adalah untuk memastikan dalam semua keadaan supaya pelawat dengan munasabahnya selamat menggunakan premis apabila beliau dijemput atau dibenarkan oleh penghuni untuk berada di situ. Jelaskan pihak-pihak yang dijemput atau pelawat yang dibenarkan di mana penghuni mempunyai tanggungjawab untuk berhati-hati.

[10 marks]

[10 markah]

SECTION B: 25 MARKS**BAHAGIAN B: 25 MARKAH****INSTRUCTION:**

This section consists of **ONE (1)** essay questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan esei. Jawab semua soalan.*

QUESTION 1**SOALAN 1**

The Uniform Building By-Laws 1984 (UBBL 1984) is a building code which provides the minimum requirements for the control and construction of streets, drainage and buildings in local authorities' areas. This by-law is used as a legal instrument to stipulate the procedures for building plans approval and other means of development and construction control.

Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984) adalah kod bangunan yang menyediakan keperluan minimum untuk kawalan dan pembinaan jalan, saliran dan bangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan. Undang-undang kecil ini digunakan sebagai instrumen undang-undang yang menetapkan prosedur untuk kelulusan pelan bangunan dan kaedah pembangunan serta kawalan pembinaan yang lain.

- (a) Uniform Building By-Laws 1984 consists of nine parts, which include requirements for a construction project. Describe any **SIX (6)** of the part.

*Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengandungi sembilan bahagian yang mengandungi keperluan untuk projek pembinaan. Huraikan mana-mana **ENAM (6)** bahagian.*

[12 marks]

[12 markah]

CLO1
C2

CLO1
C2

- (b) A Chinese private high school intends to build a 6-storey building for classroom purposes. Identify the things that need to be done by the school management to apply for building plan approval from local authority.

Sebuah sekolah menengah swasta jenis cina berhasrat untuk membina sebuah bangunan 6 tingkat untuk tujuan bilik darjah. Kenalpasti perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan sekolah bagi memohon kelulusan pelan bangunan dari pihak berkuasa tempatan.

[13 marks]

[13 markah]

SOALAN TAMAT

SESI II: 2021/2022